



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp: Bisyp Datuk Melter Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Trinita 8 - 21 Julai 2024

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, Engkau tahu bahawa kami tidak punya kuasa sendiri untuk membantu diri kami. Peliharalah kami baik dalam tubuh maupun dalam batin, agar kami dilindungi daripada segala bencana yang mungkin berlaku pada tubuh dan daripada segala fikiran jahat yang mungkin menyerang dan menyakiti jiwa kami, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

Injil - Markus 6:30-34, 53-akhir

Pembacaan Berbalas-balas -
1 Raja 18:22-39



BUATLAH KEPUTUSAN

'Kalau TUHAN itu Allah, ikutilah Dia...' - 1 Raja-raja 18:21

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: <https://www.youtube.com/>

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

1. **TAHNNIAH**

Gereja St. Margaret, Keningau, merayakan ulang tahunnya yang ke-60 pada hujung minggu ini. Ditanam setelah 2 tahun, selepas pembentukan Diosis Sabah (1962), dan 5 tahun sebelum Christ Church Likas, gereja ini melayani masyarakat di Pedalaman Sabah dengan baik.

Sepasukan dari gereja kita bersama-sama dengan Bishop Chen Fah dan Rektor kita, sedang berada di sana untuk berkongsi sukacita mereka, dan untuk merayakan kesetiaan Tuhan. Pagi ini, sebahagian daripada mereka sedang beribadah di gereja-gereja di kawasan Sook. Melalui tabung kebajikan dan misi Gereja, kita ada menaja salah seorang penganjur mereka di sana iaitu Ev. Wellson Witie. Sungguh keistimewaan.

2. **URUSAN LUAR REKTOR**

Rektor kita dan isterinya Lorraine, akan mengambil bahagian dalam kursus latihan antarabangsa mengenai pelayanan kanak-kanak di Seminari Teologi Hapdong, Seoul; pada 22-31 Julai. Sila berhubung dengan Rev. Samuel, Pastor-pastor kita, dan pemimpin lain, untuk sebarang keperluan pastoral.

3. **TEROKAI KRISTIANITI**

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan Yesus menerusi Injil Markus, diteruskan hari ini: BC - 10:00 pagi; BI - 12:00 tengah hari; dan, BM - 2:00 petang. Semua sesi dijalankan di Dewan Alpha. Makan tengahari disediakan. Sebuah pengalaman pembelajaran yang baik. Mengenalni beberapa kawan baru.


Topik hari ini: 'Mengapa Yesus Datang?'.



4. **'ALLAH ELIA'**

Siri khutbah kita diteruskan:

- 14 Jul - Dia menyediakan: 1 Raja 17 (Kerit & Sarfat)
- **21 Jul - Dia mendedahkan - 1 Raja 18b (Gunung Karmel)**
- 28 Jul - Dia mencabar - 1 Raja 19 (Gunung Horeb)
- 4 Ogos - Misi Sedunia (pengkhutbah undangan - OM)
- 11 Ogos - Dia memberi pembalasan - 1 Raja 21 (kebun anggur Nabot)
- 18 Ogos - Minggu Penetapan
- 25 Ogos - Dia menghakimi - 2 Raja 1 (penyembahan berhala Ahazia)
- 1 Sept - Dia memerintah - 2 Raja 2 (Kenaikan Elia)



5. MINGGU PENETAPAN - 18 Ogos.

Bisyop Datuk Melter Tais akan datang melawat dan berdoa untuk dua kategori calon penetapan berikut:

- mereka yang dibaptis ketika mereka masih kecil;
- mereka yang dari latar belakang gereja lain tetapi kini ingin menyertai komuniti gereja Anglikan. Sila mendaftar.

6. KEGIATAN DALAM DIOSIS

- 15-17 Sep - **Konferensi Doa 'Penerobosan'**, dalam BC & Bl, di Katedral All Saints. Sila mendaftar. Yuran RM150/- seorang; termasuk makan. 100 pendaftar 'terawal' sebelum 31 Julai, akan mendapat subsidi RM50/- dari gereja.
- 16-18 Sep - **Latihan Pemimpin Awam (LPA)**, dalam BM, di Telupid. Sila rujuk maklumat tersedia.
- 19-21 Sep - **Khemah Muda-mudi BM**, di Telupid. Sila rujuk maklumat tersedia.



7. LAPORAN KEWANGAN PCC - Jan-Jun 2024 (menyeluruh, belum diaudit)

- Jumlah pendapatan - RM582,176/-
- Jumlah perbelanjaan - RM661,523/-
- Akaun untuk 'Projek Labur' direkodkan secara berasingan. Lihat di bawah.

Terima kasih atas sokongan padu anda. Untuk butiran akaun yang lengkap, sila rujuk kepada Rektor atau Bendahari.

8. PROJEK LABUR - terima-kasih!!

Terkini: RM98,705/- Minggu lepas: RM2,818/- Masih diperlukan: RM501,295/-

9. PELAYANAN-PELAYANAN YANG LAIN

- 25 Jul, Khamis ini - **Perjamuan Kudus Rumah**. 8:00 pg: Kebaktian Perjamuan Kudus di gereja. 9:00 pg: kunjungan rumah.
- 27 Jul, Sabtu depan - **Bengkel Penyembahan** bersama Dr. Esther Shin-Chuang - Christ Church Likas, 9:30 pg-12:30 tghri. Sila mendaftar.
- 3 Ogos, Sabtu - persekutuan **Evergreens**, Dewan Omega, 9:30 pg.
- 3 Ogos, Sabtu - **Seminar MA63** - Dewan Alpha, 9:30 pg. Penceramah: Datuk Roger Chin.
- Gubahan **bunga** untuk hari ini disumbangkan oleh Lu Hau Kong & keluarga.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN
RHB Bank | 2-10103-0001913-1
Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



Allah Elia - 1 Raja-raja 18:22-39

Allah Mendedahkan

Untuk renungan dan perbincangan:

1. Apakah satu perkara yang sangat kita perlukan dalam hidup ini? Mengapa kita memerlukannya dan untuk apa ia digunakan?
2. Sila baca 1 Raja-raja 18:22. Elia berkomentar bahawa dia sendirian berdiri untuk Tuhan. Apakah beberapa nilai yang boleh kita pelajari daripada pengalaman Elia, untuk kita hidup dengan iman kepada Tuhan?
3. 1 Raja-raja 18:26 - Seperti apakah doa para nabi Baal? Berbeza dengan 1 Raja-raja 18:36-37, apa yang Elia doakan?
4. 1 Raja-raja 18:21 - "Berapa lama lagi kamu berlaku timpang dan bercabang hati? Kalau TUHAN itu Allah, ikutilah Dia, dan kalau Baal, ikutilah dia ." Allah menghendaki pengabdian kita kepadanya. Dia tidak mahu kita mengabdikan dua kepala. Apa yang boleh kita pelajari daripada cara Elia mentaati perintah Tuhan?
5. 1 Raja-raja 18:39 - "TUHAN, Dialah Allah! TUHAN, Dialah Allah!" Dia mendedahkan dan menjawab dengan api. Apakah keputusan anda jika anda masih ragu-ragu?
6. Yosua 24:15 - Ayat hafalan.

UNTUK DIDOAKAN

Kota kita yang tercinta

- berdoa untuk bandar yang lebih bersih dan segar

[supaya kita semua melakukan peranan sebagai penjaga yang baik bagi pemberian Tuhan]

Diosis kita yang dikasihi

- bersyukur untuk Gereja St. Margaret, Keningau

[berdoa untuk misi kedepannya dalam diosis, dan di sekitarnya]

Diri kita sendiri

- agar lebih berani mengisytiharkan Yesus sebagai Juruselamat dan Tuhan [supaya rakan-rakan kita juga mahu datang untuk mengikuti Dia]

- berdoa untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.